

Istiadat Penghulu

Suak Mengadap
dan

Istiadat Bersiram

Istiadat penghulu luak mengadap menjunjung duli bermula

SERI MENANTI 14 Julai — Istiadat penghulu-penghulu luak mengadap menjunjung Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus selama tiga hari bermula hari ini di Istana Besar Seri Menanti.

Istiadat tiga tahun sekali itu dimulakan dengan memasang dan menepung tawar alat-alat kebesaran diraja yang terdiri daripada lapan payung kuning, lapan keris panjang, lapan pedang panjang, empat panji-panji (tonggol) kuning, dua panji-panji (tonggol) merah, dua panji-panji (tonggol) hitam dan lapan tombok berambu.

Berangkat

Yang Dipertuan Besar dan Tuanku Ampuan telah berkenan berangkat menyaksikan istiadat tersebut.

Pada hari kedua istiadat tersebut iaitu pagi esok baginda berdua akan berangkat naik takhta rencana berarak ke panca persada bagi istiadat bersiram.

Manakala pada hari ketiga pula Yang Dipertuan Besar dan Tuanku Ampuan akan berangkat bersemayam di atas singgahsana di Balai Rong Seri, Istana Besar Seri Menanti untuk istiadat penghulu luak mengadap menjunjung duli.

Di antara penghulu-penghulu luak yang akan mengadap menjunjung duli itu ialah Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung, Dato' Penghulu Luak Inas, Dato' Penghulu Luak Gemencheh dan Dato' Penghulu Luak Pesaka Air Kuning.



YANG Dipertuan Besar Negeri Sembilan memukul tabuh sebagai menandakan perisytiharan Istana Lama Seri Menanti sebagai Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah pagi semalam.

UTUSAN MALAYSIA . 14.7.1992.



YANG Dipertuan Besar mencecah tangan ke dalam bekas bedak limau yang dihulurkan oleh Dato' Seri Amar Diraja di istiadat bersiram di Istana Besar Seri menanti, Negeri Sembilan, semalam

UTUSAN MALAYSIA

16.7.1992.

Beribu-ribu rakyat saksi istiadat bersiram

U. MALAYSIA
16.7.1992.

SERI MENANTI 15 Julai — Beribu-ribu rakyat jelata daripada pelbagai lapisan masyarakat hari ini menyaksikan istiadat bersiram Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Tuanku Ampuan sempena istiadat penghulu-penghulu luak mengadap yang diadakan tiga tahun sekali.

Istiadat yang diadakan di Istana Besar Seri Menanti itu bermula dengan Dato' Seri Amar Diraja Orang Empat Istana mempersilakan baginda berdua menaiki takhta rencana.

Takhta berwarna kuning di raja itu ditarik oleh pegawai 99 yang diketuai oleh Dato' Setia Bijaya ke panca persada yang terletak kira-kira 100 meter di luar kawasan istana.

Perjalanan keluar takhta rencana itu diiringi oleh tembakan meriam lapan das dan paluan rebana.

Murid-murid sekolah berbaris di sepanjang jalan sambil mengibarkan bendera Negeri Sembilan.

Perjalanan didahului oleh pasukan rebana dan pencak silat, juak-juak dan pegawai-pegawai yang memegang alat-alat kebesaran diraja, Dato'-

Dato', Penghulu Luak Tanah Mengandung, Orang Empat Istana dan Dato' Bentara Dalam, Dato' Bentara Kanan dan Dato' Bentara Kiri.

Ketibaan baginda berdua ke panca persada disambut oleh anak-anak raja bergelar.

Selepas lagu kebesaran negeri, Dato' Seri Amar Diraja mengambil bedak limau yang dibawa oleh Raja Penghulu untuk disembahkan kepada Yang Dipertuan Besar dan Tuanku Ampuan.

Dato' Seri Amar Diraja yang diikuti oleh Dato' Raja Di Wangsa, Dato' Akhirzaman dan Dato' Penghulu Dagang berjalan mengelilingi panca persada sebanyak tujuh kali.

Yang Dipertuan Besar dan Tuanku Ampuan kemudiannya mencecahkan tangan ke dalam bekas bedak limau sebagai tanda simbolik bersiram.

Istiadat diteruskan dengan pertunjukan pencak silat di hadapan panca persada sebelum baginda berdua diarak masuk semula ke istana.

Tembakan meriam lapan das kedengaran lagi sebagai menandakan selesainya istiadat bersiram.

B. Harian 16.7.1992



Istiadat Bersiram gemilang

ISTIADAT Bersiram Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman berlangsung penuh adat kebesaran diraja di Istana Besar Seri Menanti, di Kuala Pilah, semalam.

Istiadat bermula jam 10 pagi dengan tembakan meriam sembilan das.

Selepas menyampaikan pingat perak kepada ke-

rabat diraja, Yang Dipertuan Besar dan Tuanku Ampuan diarak ke Panca Persada dengan menaiki takhta yang dibina khas di atas kenderaan kayu serba kuning ditarik oleh 99 pegawai istana.

Perarakan didahului pasukan rebana dan pencak silat, diikuti juak serta pegawai pemegang alat kebesaran diraja yang membawa keris, pedang

dan panji-panji.

Mengekori di belakang 'takhta rencana' ialah putera dan puteri serta kerabat diraja Negeri Sembilan, jemputan khas dan rakyat jelata.

Istiadat diakhiri dengan pertunjukan pencak silat dan permainan cak lempong oleh penduduk Kampung Kayu Ara.—
Gambar oleh Leong Weng Onn.



YANG Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Tuanku Ampuan turun dari takhta rencana untuk istiadat bersiram di Istana Besar Seri Menanti, Negeri Sembilan, semalam.

UTUSAN MALAYSIA 16.7.1992.